BERITA HARIAN
ISNIN, 20 JUN 2016



"Berkat latihan tenaga pengajar di VETA dan penat lelah yang saya tempuhi. Alhamdulillah, akhirnya saya diterima kerja di Sapura Kencana"

**Siti Sarah Mohd Samsuri,**
*Pelajar Diploma Teknologi Kimpalan, KV Sungai Petani 1*



"Kerjaya ini sangat mencabar kerana memerlukan stamina yang tinggi, dengan latihan yang diberikan VETA, saya berasa lebih yakin untuk menghadapi suasana pekerjaan yang sebenar"

**Nurul Fatin Atikah Mohd Zuljabar,**
*Pelajar Diploma Teknologi Kimpalan, KV Sungai Petani 1*



"Menjadi satu-satunya pelajar perempuan dari KV Wakaf Tembesu adalah sukar, tetapi itu juga menjadi pemangkin saya untuk lebih berjaya"

**Siti Nur Syamiza Azua Ahmad,**
*Pelajar Diploma Teknologi Kimpalan, KV Wakaf Tembesu*

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]



***Zainuren (dua dari kiri) beramah mesra bersama tiga pelajar kolej vokasional** yang berjaya mendapat tawaran kerja di Sapura Kencana Petroleum Sdn Bhd sambil disaksikan Roszida (kanan) dan Che Noorliati (kiri) di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.*

**Fakta nombor**

**80 SMV**
dinaik taraf kepada Kolej Vokasional (KV) di seluruh negara

**85 SEKOLAH**
Menengah Harian tawar program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) bermula dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga

# Perkasa pendidikan vokasional melalui OJT

Berita Harian
Isnin, 20 Jun 2016

Beri peluang pelajar timba pengalaman hadapi dunia pekerjaan sebenar

**Oleh Nurul 'Aniqah Sazale**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Langkah kerajaan mengarusperdanakan pendidikan vokasional dapat menyediakan ruang dan peluang kepada modal insan negara untuk memiliki keupayaan dan tahap kemahiran tinggi serta memenuhi permintaan industri.

Bagi memastikan modal insan yang dijana dalam bidang ini mempunyai tahap kemahiran yang tinggi kualiti, pendidikan vokasional perlu dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan dan kehendak semasa.

Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Zainuren Mohd Nor berkata pihaknya mengambil pelbagai langkah dan usaha yang berterusan bagi memastikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dapat memenuhi keperluan negara.

"Bersesuaian dengan hasrat kerajaan dalam mencapai status negara maju sistem pendidikan perlu penambahbaikkan bagi melahirkan lebih ramai pelajar berkemahiran tinggi dan separa mahir.

"Ia sekali gus dapat memenuhi kehendak pasaran kerja serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja luar," katanya

Beliau berkata, penambahbaikan kepada sistem pendidikan vokasional ini dapat menyediakan ruang dan peluang yang lebih luas kepada masyarakat.

## OJT perkasa kompetensi

Zainuren berkata, Transformasi Pendidikan Vokasional melalui format on-the-job-training (OJT) atau 'belajar sambil bekerja' di Vokasional Education Training Academy (VETA) diketengahkan di mana bahagian teori dipelajari di bilik darjah diikuti dengan latihan di tapak kerja.

"OJT selama empat bulan itu diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi sedia ada, di samping memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman di dunia pekerjaan sebenar supaya dapat mempertingkatkan kemahiran pelajar berkenaan," katanya.

Transformasi ini adalah untuk merealisasikan hasrat kerajaan dalam memenuhi keperluan tenaga mahir bagi mencapai aspirasi negara sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Antara langkah dibuat KPM bagi melahirkan golongan berkemahiran melalui Transformasi Pendidikan Vokasional dengan menaiktaraf 80 Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV) di seluruh negara.

KPM juga melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di 85 Sekolah Menengah Harian dengan menawarkan program kemahiran vokasional bermula dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga.

Bagi Kolej Vokasional program selama empat tahun empat bulan bermula seawal Tingkatan Empat di tahun satu dan dua yang membolehkan mereka mendapat Sijil Vokasional Malaysia sebelum menamatkan pengajian di tahun ketiga dan keempat bagi program Diploma Vokasional Malaysia.

Zainuren berkata, 10 Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) turut melaksanakan program diploma bagi meningkatkan tahap kemahiran pelajar seperti kulinari, penyediaan makanan, pengkomputeran, multimedia dan automotif.

Bagi Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) sebanyak 269 sekolah menengah harian melaksanakan PVMA Mata Pelajaran Vokasional (MPV) bagi melahirkan lebih ramai pelajar berkemahiran di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

## Kejayaan 3 pelajar jadi contoh

Sementara itu, Ketua Eksekutif VETA, Roszida Othman, berkata sejajar dengan misi negara untuk meningkatkan tahap TVET, VETA ditubuhkan ke arah merialisasikan aspirasi kebolehpekerjaan dengan pendapatan tinggi melalui latihan kemahiran dan pendidikan.

Bagi Pengarah KV Sungai Petani 1, Che Noorliati Said, berkata kejayaan tiga pelajar dalam kursus Diploma Teknologi Kimpalan mendapat kerja sejurus tamat OJT diharap menjadi contoh kepada pelajar lain.

Tiga pelajar itu ialah Nurul Fatin Atikah Mohd Zuljabar dan Siti Sarah Mohd Samsuri dari KV Sungai Petani 1 serta Siti Nur Syamiza Azua Ahmad dari KV Wakaf Tembesu.

PERPUSTAKAAN
PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN ( CIAST )
SHAH ALAM